

KEGIATAN PENYIMPANAN BARANG BINAAN TANPA KEBENARAN

Kegiatan perusahaan penyimpanan barang pembinaan tanpa kebenaran yang terletak di Kampong Tanah Jambu, Mukim Mentiri telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancangan. Kegiatan tersebut dijalankan di atas 5 Lot tanah yang disyaratkan bagi kegunaan perumahan dan terletak di dalam zon perumahan yang tidak sesuai untuk tujuan penyimpanan jentera berat.

Kegiatan sedemikian boleh mengganggu kesejahteraan penduduk setempat, menimbulkan risiko keselamatan serta menyebabkan kerosakan jalan raya dan infrastruktur awam. Oleh itu, aktiviti penyimpanan barang binaan dan peletakan jentera berat hendaklah dijalankan di kawasan perusahaan atau kawasan yang telah dikhaskan serta dilengkapi dengan prasarana yang bersesuaian.

Susulan tindakan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Perancangan, kedua-dua syarikat telah menghentikan aktiviti tanpa kebenaran tersebut dan memindahkan operasi mereka ke kawasan perindustrian yang dikhaskan selaras dengan keperluan perancangan.

Orang ramai adalah diperingatkan bahawa sebarang pemajuan atau perubahan penggunaan tanah tanpa Kebenaran Perancangan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 23, Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248. Kegagalan mematuhi peruntukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi \$200,000 dan denda tambahan tidak melebihi \$10,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

- TAMAT -